

Cendekiawan Islam digesa atasi perbezaan pendapat

UM - 20/3/2006

Jika kita kembali kepada ajaran asas Islam, kita boleh menghapuskan perbezaan tafsiran. Mungkin lebih mudah untuk kita bersatu, menjadi saudara sesama Islam

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Presiden
Yayasan
Kepimpinan
Perdana



DR. MAHATHIR MOHAMAD

PUTRAJAYA 19 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata cendekiawan Islam patut bermesyuarat dan membincangkan cara untuk menyelesaikan perbezaan pendapat dalam dunia Islam supaya 1.5 bilion umat Islam akhirnya boleh digerakkan sebagai satu pasukan yang berguna dan bersatu.

Menyatakan Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) boleh dijadikan forum untuk perbincangan seumpama itu, beliau berkata, umat Islam patut menggunakan OIC untuk menyelesaikan perbezaan pendapat itu atau bagi perkara lain yang boleh memanfaatkan mereka.

Cendekiawan Islam atau ulama perlu bincangkan isu berkenaan secara rasional dan mendalam untuk menyatukan umat Islam di bawah satu payung, mengikut ajaran agama yang dibawa kepada mereka oleh Nabi, katanya dalam temu bual dengan *Bernama* sempena siapnya Laporan Wawasan Hijrah 1440 yang disediakan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB).

Dr. Mahathir mengetuai suruhanjaya dalam menghasilkan laporan itu yang menggariskan bagaimana IDB boleh menjadi entiti lebih dinamik untuk membantu umat Islam dan memperbaiki imej Islam manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Wawasan Hijrah 1440 di Kuala Lumpur pada Khamis.

Laporan itu yang sama seperti pelan induk pembangunan, menggariskan secara terperinci bagaimana kesejahteraan ummah boleh diperbaiki menerusi peningkatan kadar celik huruf, pembangunan ekonomi, memakmurkan rakyat dan membasmi kemiskinan.

Oleh kerana terdapat banyak tafsiran mengenai Islam pada hari ini, Dr. Mahathir mengakui tugas menyelesaikan perbezaan pendapat itu bukan sesuatu yang mudah.

Tetapi, beliau berkata, semua itu bergantung kepada usaha mencapai persefahaman menerusi perbincangan.

"Ia bukannya mustahil, ia boleh dilakukan, tetapi perlu ada komitmen, iltizam untuk melakukannya.

"Jika kita mempunyai keazaman untuk

mahu berjaya, pasti akan ada jalan, bukan terlalu sukar.

"Tetapi apa yang paling penting ialah 'adakah anda mahu melakukannya'. Jika anda mahu melakukannya, dengan itu anda perlu bersedia untuk bertindak. Jika anda boleh, anda akan ambil tindakan, kemudian kita boleh ada jalan dan kita boleh capai matlamat kita," katanya.

Kepada soalan kenapa wujud terlalu banyak ketegangan di kalangan umat Islam di negara tertentu di dunia, terutamanya Asia Barat, beliau berkata, ia disebabkan mereka mempunyai tafsiran berbeza terhadap agama.

"Sama seperti benda lain, apabila anda membaca sesuatu, pemahaman anda mungkin berbeza dengan orang lain.

"Tetapi jika kembali kepada ajaran asas atau pegangan Islam, tidak ada perbezaan kerana kita percaya kepada perkara yang sama yang terkandung dalam al-Quran dan hadis sahih.

"Jadi jika kita kembali kepada perkara itu (ajaran asas), mungkin adalah lebih mudah untuk kita menyelesaikan perbezaan pendapat antara taifah, fahaman atau mazhab. Ia bukannya mudah. Pegangan itu amat kukuh," katanya.

Dr. Mahathir, yang juga Presiden Yayasan Kepimpinan Perdana, badan yang menumpukan pada pembangunan kepimpinan negara Malaysia, berkata turut terkandung dalam ajaran Islam adalah untuk mengadakan ishtihar - menyelesaikan sesuatu persoalan menerusi perbincangan.

"Malangnya, untuk sekian lama, mereka menutup pintu bagi ishtihar. Tetapi ia bukan sesuatu yang salah, ia pernah dilakukan pada zaman dahulu. Mungkin kita boleh hidupkan semula kaedah perbincangan ini," katanya.

"Pada hari ini kita melihat puak Syiah

meletupkan masjid puak Sunnah Wal Jamaah, puak Sunnah Wal Jamaah meletupkan masjid puak Syiah, kita menyaksikan banyak pertentangan antara puak berfahaman berbeza dan namun begitu mereka masih mendakwa sebagai orang Islam.

"Jika anda mendakwa anda seorang Islam, dengan itu anda sepatutnya menganggap setiap orang Islam sebagai saudara anda. Tetapi mereka menganggap fahaman yang berbeza sebagai bukan Islam. Tetapi jika kita kembali kepada ajaran asas Islam, dengan itu kita boleh menghapuskan perbezaan dalam tafsiran, mungkin ia lebih mudah untuk kita bersatu, menjadi saudara sesama Islam. Dengan cara itu saya fikir kita boleh bersatu, dan pastinya perpaduan merupakan kekuatan, dan pada masa yang sama kita boleh memanfaatkan seluruh potensi umat Islam.

Dr. Mahathir berpendapat bahawa Islam sedang melalui keadaan yang pernah dilalui agama Kristian pada zaman dahulu.

Beliau berkata, walaupun wujud perbezaan pendapat di kalangan orang Kristian pada hari ini, tetapi ia tidak terlalu ketara.

"Mereka terdiri daripada Protestan, Katolik, mereka ada Ortodoks (Kristian)... dan kumpulan-kumpulan kecil Katolik dan Protestan memang diketahui sering bertelagah.

"Di zaman lampau, mereka pernah saling berbunuhan, mereka saling membakar berikutan perbezaan fahaman dan mereka cenderung mengutuk kumpulan yang satu lagi sebagai menyeleweng. Tetapi pada hari ini mereka lebih liberal. Mereka tidak lagi mempersoalkan tafsiran masing-masing terhadap agama. Apa yang berlaku kepada agama Islam adalah sama. Wujud perpecahan akibat perbezaan tafsiran.

Contohnya, kata Dr. Mahathir, di

negara Islam tertentu, wanita tidak dibenarkan menjadi tenaga kerja kerana salah tafsiran terhadap agama.

Perbincangan mengenai perkara itu patut dilakukan supaya wanita tidak dipinggirkan dan pada masa yang sama, ajaran sebenar Islam patut dipatuhi.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya wanita tidak diambil kira bagi tujuan ekonomi, dengan itu jumlah umat Islam akan tinggal separuh kerana wanita biasanya merupakan 50 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara.

"Telah dibuktikan bahawa wanita memiliki keupayaan tertentu, mungkin bukan daripada segi fizikal (kekuatan) tetapi mereka memiliki keupayaan mental, kemahiran mereka dalam perniagaan amat bagus, kita patut memanfaatkan mereka," katanya.

- Bernama